

Headline
Date
Media Title
Section
Circulation
Readership

Akta Hubungan Kaum disambut baik

20. Sep 2008

Utusan Malaysia

Dlm Negeri

238082

833287

Language MALAY

Page No 7

Article Size 236 cm2

Frequency Daily

Color Full Color

AdValue 3327.79



Akta Hubungan Kaum disambut baik

Oleh AMIRAH AMALY SYAFAAT

KUALA LUMPUR 19 Sept. - Akta Hubungan Kaum yang akan diwujudkan oleh kerajaan perlu dilaksanakan segera bagi memastikan negara sentiasa berada dalam keadaan aman dan rakyat pelbagai kaum dapat hidup dengan harmoni.

Pakar sejarah, Prof. Emeritus Tan Sri Khoo Kay Kim (**gambar**) berkata, sebarang usaha kerajaan untuk merapatkan perpaduan dan kesepakatan antara kaum di negara ini pasti akan disambut baik oleh rakyat.

Menurutnya, sejarah negara sebelum ini telah mencatatkan beberapa peristiwa huru-hara yang melibatkan kaum dan penubuhan akta itu dapat mengawal penduduk di negara ini agar tidak terlalu liar.

"Langkah tersebut menunjukkan kerajaan bertindak tegas untuk melarang mana-mana pihak daripada membuat kenyataan tidak berguna dan hanya menyakitkan hati orang lain sahaja," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Forum Integriti Kemerdekaan anjuran Institut Integriti Malaysia (IIM) yang disempurnakan oleh Presiden IIM, Datuk Dr. Mohd. Tap Salleh di sini hari ini.

Tiga lagi ahli panel forum tersebut

ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Ekologi Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Sarjit Singh Gill; aktivis Majlis Pertubuhan Wanita Kebangsaan (NCWO), Dr. Rokiah Talib dan penjenayah muda negara, Muhammad Muqharabbin Mokhtaruddin.

Mengulas mengenai Akta Hubungan Kaum yang akan diwujudkan kerajaan dalam waktu terdekat, Kay Kim berkata, ia dapat mengelak daripada berlakunya rusuhan kaum kerana perasaan tidak puas hati antara kaum.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, skop akta berkenaan lebih meluas berbanding Akta Hasutan sedia ada yang bertujuan mengekang huru-hara dan ancaman ketenteraman awam.

Sementara itu, Sarjit memberitahu, penubuhan akta itu juga perlu melibatkan pelbagai pihak dan tidak meminggirkan mana-mana komuniti terutama Orang Asli dan Penan.

"Akta ini juga perlu diberi perhatian oleh semua pihak khususnya di kalangan pemimpin, masyarakat dan golo-

ngan belia agar bangsa Malaysia yang dibentuk bersifat inklusif," jelasnya.

Katanya, kerajaan boleh melihat beberapa model yang digunakan oleh negara-negara lain untuk dijadikan panduan untuk pengurusan etnik bagi mendapatkan pemahaman yang lebih bukan sahaja kepada budaya sendiri malah budaya orang lain.

"Masyarakat juga dituntut untuk memahami pengertian tema hari kemerdekaan iaitu perpaduan teras kejayaan yang sentiasa diulangi kerajaan saban tahun," katanya.

Aktivis sosial, Rokiah pula memberitahu, akta itu ditubuhkan setelah kerajaan menyedari tentang keperluan hubungan kaum di negara ini.

"Kita tidak mahu ada orang yang memperjuangkan kaum mereka sendiri dan mengabaikan kebajikan kaum minoriti lain. Pelaksanaan akta ini amat bertepatan pada waktunya," ujarnya.

Ditanya tentang kandungan yang boleh dimuatkan dalam akta berkenaan, katanya, ia boleh meliputi bahasa, kebudayaan, adat resam, sejarah, sensitiviti kaum dan pendidikan moral.

